

# Pendekatan Islam Hadhari berteraskan ilmu

**T**IGA tahun lalu, Islam Hadhari begitu asing bagi masyarakat Malaysia walaupun ia bukan perkataan baru dalam kamus Arab. Masyarakat, termasuk beragama Islam sendiri tertanya-tanya apa yang dimaksudkan Islam Hadhari dan hala tuju kerajaan hendak membawa rakyat dengan pendekatan itu.

Kekaburan rakyat ketika itu terus dikelirukan dengan propaganda golongan tertentu, khususnya pembangkang. Pelbagai tafsiran dan label diberikan terhadap Islam Hadhari, termasuk ada yang menyifatkannya satu usaha ke belakang. Tidak kurang yang mendakwa kononnya kerajaan mahu membawa dan memperkenalkan ajaran dan mazhab baru kepada masyarakat Islam di Malaysia.

Namun, kerajaan tidak patah semangat dan terus gigih memperjelaskan pendekatan Islam Hadhari yang kini diterima baik bukan saja oleh masyarakat Islam, malah bukan Islam. Lebih membanggakan banyak negara, termasuk bukan Islam mahu mengetahui lebih lanjut pelaksanaan pendekatan itu untuk dilaksanakan di negara masing-masing.

Menyentuh perkembangan pelaksanaan Islam Hadhari, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin, berkata ketelusan dan kesungguhan kerajaan berjaya mematahkan cakup-cakap yang menentang pendekatan itu.

Malah, katanya, konsep Islam Hadhari kini bukan saja diterima rakyat negara ini, malah ulama terkenal yang mengiktiraf usaha menerapkan 10 prinsip Islam Hadhari yang sedikit pun tidak bercanggah dengan Islam.

Tiga pemimpin tertinggi dalam bidang agama di Mesir iaitu Sheikh Azhar, Mufti Mesir dan Menteri Wakaf Mesir, semua memberi sokongan padu kepada pendekatan Islam Hadhari.

"Sheikh Azhar berkata, tajuk bukan masalah asalkan prinsip itu baik. Saya juga berjumpa pemikir Islam terkenal, Dr Yusuf Qardawi dan berbincang selama dua jam untuk mendapatkan pandangan beliau.

"Qardawi menegaskan, ia adalah satu yang tidak bercanggah, sesuai dengan Islam sebagai agama yang sederhana iaitu agama pertengahan yang menggalakkan kesederhanaan dan tidak ada unsur ekstrem," kata Dr Abdullah.

## INFO

### Prinsip Islam Hadhari

- Keimanan dan ketakwaan kepada Allah
- Kerajaan yang adil dan beramanah
- Rakyat berjiwa merdeka
- Penguasaan ilmu pengetahuan
- Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif
- Kehidupan berkualiti
- Pembelaan hak kumpulan minoriti dan
- Keutuhan budaya dan moral
- Pemuliharaan alam semula jadi
- Kekuatan pertahanan

Malah, sewaktu mengunjungi ulama dan wakil menteri di Jordan, beliau dimaklumkan Islam Hadhari memang sesuai dan menepati usaha yang sedang dilaksanakan negara itu untuk memperkenalkan risalah mengenai kesederhanaan Islam menentang keganasan.

Satu pendekatan Islam Hadhari adalah untuk mengembalikan umat Islam kepada asas menurut al-Quran dan Sunnah sebagai teras pembinaan tamadun Islam. Islam Hadhari adalah pendekatan anjakan paradigma untuk mengubah persepsi umum terhadap ajaran Islam, seperti yang diajarkan Nabi Muhammad SAW.

Islam Hadhari tidak sedikit pun mengurangkan prinsip akidah, syariat dan akhlak dalam ajaran Islam. Malah, menekankan penghayatan Islam yang syumul, menyeluruh dan realistik bagi menterjemahkan agama dalam kehidupan.

Pendekatan Islam Hadhari membuktikan bahawa ajaran Islam dapat mendorong penganutnya menjadi umat yang maju bagi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Ia juga untuk membuktikan keupayaan Malaysia sebagai negara Islam contoh yang sentiasa mengamalkan prinsip kesederhanaan (wasatiyyah), sesuai dengan tuntutan agama Islam, selaras dasar negara yang dilaksanakan masa kini dan akan dicapai pada masa depan seperti Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Negara dan sebagainya.

Pendekatan Islam Hadhari menekankan nilai pembangunan sejagat yang sama sekali tidak bercanggah dengan konteks ma-

sarakat majmuk.

Secara mudah, Islam Hadhari membawa makna kemajuan atau pembangunan yang dikaitkan dengan kebudayaan, peradaban dan tamadun. Tamadun Islam pula merangkumi pencapaian manusia dalam bidang kerohanian dan kebendaan yang bersandarkan akidah, syariah dan akhlak, bersumbarkan al-Quran dan sunnah Rasulullah.

Dalam mengetengahkan Islam Hadhari, ilmu menjadi asas utama kerana ilmu mempunyai kedudukan tertinggi sehinggakan mempelajarinya menjadi fardu kepada umat Islam.

Dr Abdullah berkata, sokongan yang diterima bukan saja daripada rakyat negara ini, malah masyarakat antarabangsa, membuktikan tohmahan yang dilemparkan terhadap Islam Hadhari adalah tidak berasas sama sekali.

Menyentuh mengenai 2006 sebagai tahun pelaksanaan Islam Hadhari, beliau berkata, walaupun pada dasarnya ia ditetapkan sebagai tahun pelaksanaan, hakikatnya pendekatan Islam Hadhari sudah terlaksana secara berperingkat sejak diperkenalkan.

Contohnya, pelancaran Projek Rintis Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain atau singkatannya j-QAF oleh Kementerian Pelajaran adalah bukti penerapan Islam Hadhari sudah bermula.

Begitu juga Kempen Budi Bahasa anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, selain program memantapkan prinsip keimanan dan ketakwaan kepada Allah oleh Jabatan Kemajuan Islam serta Jabatan Agama Islam Negeri.

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Mac lalu juga adalah perancangan jelas yang mendukung kesemua prinsip Islam Hadhari.

"Orang tanya mana Islam Hadhari? Saya kata, semuanya termasuk modal insan, penguasaan ilmu pengetahuan, membasmi kemiskinan, berakhlak mulia. Ini semua keunikan Islam Hadhari.

"Jika tanya apa program khusus untuk melaksanakan Islam Hadhari, jawapannya tidak ada. Semua yang dilaksanakan kerajaan, kementerian, masyarakat atau siapa juga, dilakukan berpandukan kepada prinsip Islam Hadhari," katanya.

Abdullah berkata, walaupun tumpuan kini diberikan kepada program pelaksanaan, tidak bermakna usaha memberi penjelasan sudah tamat.

Sebaliknya, rakyat akan sentiasa diingatkan dan diberi kefahaman supaya mereka dapat berkongsi cita-cita kerajaan kerana sebaik mana program, ia tidak berhasil jika tidak dapat dimanfaatkan bersama secara berterusan.

Oleh itu, rakyat perlu memahami prinsip Islam Hadhari dan menyambut baik usaha melahirkan modal insan yang bukan saja berilmu, malah berakhlak mulia untuk mencipta sejarah membina tamadun.

Persoalannya, apakah aspirasi kerajaan itu benar-benar diterima dan dikongsi rakyat negara ini? Abdullah optimis kerana rakyat bukan saja sudah jelas, malah turut melaksanakan prinsip Islam Hadhari melalui program serta pendekatan yang diperkenalkan pelbagai pihak.

Bagaimanapun, sepanjang terbabit dengan usaha memperjelas mengenai Islam Hadhari, beliau bertemu dengan kumpulan masyarakat daripada mereka yang kuat menyokong, sederhana menyokong dan kurang menyokong.

Selain kumpulan yang menyokong, ada kumpulan yang kuat menentang, sederhana menentang dan kurang menentang.

Tidak dinafikan, ada golongan yang masih tidak faham tetapi beliau percaya dengan bimbingan serta contoh teladan yang baik, lambat laun keindahan Islam Hadhari akan dapat dirasai.

"Mesti ada yang masih tidak faham, tetapi jangan tanya berapa ramai. Pengalaman Rasulullah berdakwah begitu lama di Makkah, berapa kerat saja yang mengikut Baginda.

"Saya yakin dengan contoh yang kita tunjukkan, mereka akan faham juga nanti. Kehebatan Rasulullah ialah contoh teladan yang baik. Bukan senang nak ubah sikap tetapi sekurang-kurangnya kita sudah mengorak langkah," katanya.

Yang penting, kata beliau ialah sokongan yang diterima daripada masyarakat bukan Islam dan mereka mula memahami serta menerima pendekatan Islam Hadhari sebagai pendekatan menyeluruh untuk kebaikan seluruh rakyat dan negara.